

MBPJ lancar Kebun Kita, bantu perkasa ekonomi

PETALING JAYA - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) melancarkan program Kebun Kita di Bandar Utama bersama Persatuan Pemastautin Penduduk (PPP) BU/12 di sini, baru-baru ini.

Jurucakap MBPJ berkata, Kebun Kita merupakan antara platform memberdayakan serta membina pasukan masyarakat yang berdaya maju dan mewujudkan keharmonian di kalangan penduduk setempat di Petaling Jaya.

Kebun Kita dahulunya dikenali sebagai Kebun Komuniti dan telah dijenamakan semula sebagai Kebun Kita pada 21 Mac 2017.

"Kebun Kita merupakan usaha majlis untuk meningkatkan tahap kehidupan dan suasana persekitaran masyarakat

dengan menggalakkan aktiviti pelbagai jenis penanaman yang dapat menjana hasil seterusnya menghilangkan beban terutamanya ketika menangani kenaikan harga barangan keperluan harian yang tidak menentu.

"Program Kebun Kita juga selaras dengan Pelan Strategik MBPJ 2016-2026 ke arah mencapai sasaran seperti memaksimumkan jaringan pintar berasaskan situasi menang-menang, membangun masyarakat progresif, berbudaya, sihat dan sejahtera dan menerajui agenda Kehijauan Metropolis," katanya menerusi kenyataan.

Sementara itu, kerajaan negeri di bawah Seksyen Pemberdayaan Ekonomi Kerajaan Selangor (portfolio Kemiskinan, Kerajaan Prihatin) juga telah melihat program Kebun Komuniti dengan lebih luas dan menggunakannya sebagai model untuk memperkasakan ekonomi dan keusahawanan sosial.

"Ia bagi memberi peluang kepada golongan miskin untuk mendapatkan pendapatan yang lebih baik dan meningkatkan diri mereka dari segi kewangan," katanya.



Program Kebun Kita dilihat mampu memperkasakan ekonomi dan keusahawanan sosial.